



Rujukan Kami : MITI.500-6/1/15 Jld.5 ( 10 )  
Tarikh : 15 Ogos 2024

## SEPERTI SENARAI EDARAN

### JEMPUTAN MENGHADIRI BENGKEL PENGUMPULAN MAKLUMAT KAWALAN KEMENTERIAN TERHADAP BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DI BAWAH KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Bahagian Akaun akan menganjurkan Bengkel Pengumpulan Maklumat Kawalan Kementerian Terhadap Badan Berkanun Persekutuan (BBP) di Bawah Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI). Bengkel ini adalah susulan daripada Mesyuarat Pengumpulan Maklumat Kawalan Kementerian Terhadap Badan Berkanun Persekutuan (BBP) yang telah diadakan pada 27 Jun 2024 yang lalu di mana semua BBP di bawah MITI dikehendaki untuk mengisi Lampiran A - Borang Senarai Semak Penentuan Elemen 'Kawalan' Kementerian Terhadap Badan-Badan Berkanun Persekutuan di Bawah Kementerian. Bengkel ini akan diadakan seperti ketetapan berikut:

|                  |   |                                                |
|------------------|---|------------------------------------------------|
| Tarikh           | : | 1 hingga 3 September 2024 (Ahad hingga Selasa) |
| Tempat           | : | KSL Hotel & Resort, Johor Bahru                |
| Aturcara Program | : | Seperti di Lampiran 1                          |

3. Objektif bengkel adalah untuk membantu pihak kementerian dan agensi menentukan elemen kawalan kementerian terhadap BBP di bawah kementerian sebagaimana digariskan dalam Lampiran A selaras dengan semua akta yang berkuatkuasa di BBP. Bengkel ini juga diadakan untuk memastikan Lampiran A dilengkapi dengan justifikasi yang dirujuk kepada akta yang berkuatkuasa serta mematuhi elemen-elemen penentuan yang telah digariskan di dalam MPSAS 35 serta ianya dapat dikemukakan kepada JANM sebelum 30 September 2024.

4. Sehubungan dengan itu, mohon tuan/ puan untuk menghantar **dua (2) orang wakil daripada bahagian yang terlibat di MITI manakala empat (4) orang wakil daripada agensi**. Kehadiran tuan/ puan menghadiri bengkel ini adalah **diwajibkan**. Makan minum dan penginapan sepanjang kursus disediakan oleh penganjur manakala pengangkutan peserta tidak disediakan dan tuan/ puan boleh membuat tuntutan perjalanan di bawah tanggungan bahagian/ agensi masing-masing. Mohon kerjasama tuan/ puan untuk membuat pengesahan kehadiran seperti di Lampiran 2 pada atau sebelum **20 Ogos 2024 (Selasa)**.

5. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, tuan/ puan boleh menghubungi pegawai seperti berikut:

- |                                                                    |              |
|--------------------------------------------------------------------|--------------|
| i. Datin Hasnah binti Ariffin<br>(hasnah@miti.gov.my)              | 03-6208 4902 |
| ii. Puan Nurul Izza binti Abdul Aziz<br>(izza.aziz@miti.gov.my)    | 03-6208 4904 |
| iii. Puan Noor Hijanah binti Abdul Khalid<br>(hijanah@miti.gov.my) | 03-6208 4909 |

6. Perhatian dan kerjasama tuan/ puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**MCKEVIN A/K TONI** C.A.(M), ACMA, CGMA

Bahagian Akaun

b.p Ketua Setiausaha

Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri

## **SENARAI EDARAN**

- 1. Pengarah Kanan**  
Bahagian Hubungan Perdagangan & Ekonomi Dua Hala  
Sekretariat Kebangsaan Belt & Road Initiative (BRI)
- 2. Pengarah Kanan**  
Bahagian Dasar Pelaburan & Fasilitasi Perdagangan
- 3. Pengarah Kanan**  
Bahagian Perancangan Strategik
- 4. Penasihat Undang-Undang**  
Pejabat Perundangan
- 5. Pengarah**  
Bahagian Kewangan
- 6. Ketua Pegawai Eksekutif**  
Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)  
MIDA Sentral  
No. 5, Jalan Stesen Sentral 5 KL Sentral  
50470 Kuala Lumpur.
- 7. Ketua Pegawai Eksekutif**  
Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE)  
Menara MATRADE,  
Jalan Sultan Haji Ahmad Shah,  
50480 Kuala Lumpur.
- 8. Ketua Pengarah**  
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)  
Lorong Produktiviti, Jalan Sultan  
46200 Petaling Jaya, Selangor.

**AGENDA**  
**BENGKEL PENGUMPULAN MAKLUMAT KAWALAN KEMENTERIAN TERHADAP**  
**BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN PADA 1 HINGGA 3 SEPTEMBER 2024**  
**BERTEMPAT DI KSL HOTEL & RESORT, JOHOR BAHRU**

| <b>1 SEPTEMBER 2024 (AHAD)</b>  |                                                                                                                                                                            |
|---------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>MASA</b>                     | <b>PROGRAM</b>                                                                                                                                                             |
| 3.00 petang - 5.00 petang       | <i>Check-in</i> dan Pendaftaran Kursus                                                                                                                                     |
| 5.00 petang - 6.00 petang       | <b>Pengenalan dan Taklimat Urusetia</b>                                                                                                                                    |
| 6.00 petang - 7.00 malam        | Pengurusan Kendiri                                                                                                                                                         |
| 7.00 malam - 8.30 malam         | Makan Malam                                                                                                                                                                |
| 8.30 malam - 10.30 malam        | <b>Sesi 1 : Taklimat MPSAS 35</b>                                                                                                                                          |
| 10.30 malam                     | Minum Malam dan Bersurai                                                                                                                                                   |
| <b>2 SEPTEMBER 2024 (ISNIN)</b> |                                                                                                                                                                            |
| <b>MASA</b>                     | <b>PROGRAM</b>                                                                                                                                                             |
| 7.00 pagi - 8.30 pagi           | Sarapan Pagi                                                                                                                                                               |
| 8.30 pagi - 10.30 pagi          | <b>Sesi 2 : Taklimat berkenaan Lampiran A - Borang Senarai Semak Penentuan Elemen "Kawalan" Kementerian Terhadap Badan-Badan Berkanun Persekutuan Di Bawah Kementerian</b> |
| 10.30 pagi - 11.00 pagi         | Minum Pagi                                                                                                                                                                 |
| 11.00 pagi - 1.00 tengahari     | <b>Sesi 3 : Pengisian Maklumat untuk Lampiran A</b>                                                                                                                        |
| 1.00 tengahari - 2.30 petang    | Makan Tengahari                                                                                                                                                            |
| 2.30 petang - 4.30 petang       | <b>Sesi 4 : Pengisian Maklumat untuk Lampiran A</b>                                                                                                                        |
| 4.30 petang - 5.00 petang       | Minum Petang                                                                                                                                                               |
| 5.00 petang - 7.00 petang       | Pengurusan Kendiri                                                                                                                                                         |

|                                  |                                                     |
|----------------------------------|-----------------------------------------------------|
| 7.00 petang - 8.30 malam         | Makan Malam                                         |
| 8.30 malam - 10.30 malam         | <b>Sesi 5 : Pengisian Maklumat untuk Lampiran A</b> |
| 10.30 malam                      | Minum Malam dan Bersurai                            |
| <b>3 September 2024 (SELASA)</b> |                                                     |
| <b>MASA</b>                      | <b>PROGRAM</b>                                      |
| 7.30 pagi - 8.30 pagi            | Sarapan                                             |
| 8.30 pagi - 11.00 pagi           | <b>Sesi 6 : Pembentangan dan Rumusan</b>            |
| 11.00 pagi - 12.30 tengahari     | Majlis Penutup                                      |
| 12.30 tengahari - 1.00 tengahari | Makan Tengah Hari dan Bersurai                      |

## BORANG PENGESAHAN KEHADIRAN

**BENGKEL PENGUMPULAN MAKLUMAT KAWALAN KEMENTERIAN TERHADAP  
BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DI BAWAH KEMENTERIAN PELABURAN,  
PERDAGANGAN DAN INDUSTRI****Tarikh : 1 hingga 3 September 2024****Tempat : KSL Hotel & Resort, Johor Bahru**

Bahagian / Agensi: \_\_\_\_\_

| Bil. | Nama | Jawatan | No. Telefon |
|------|------|---------|-------------|
|      |      |         |             |
|      |      |         |             |
|      |      |         |             |
|      |      |         |             |
|      |      |         |             |

Nota:

1. Mohon untuk menghantar borang pengesahan kehadiran sebelum atau pada 20 Ogos 2024 (Selasa) kepada [hijanah@miti.gov.my](mailto:hijanah@miti.gov.my)